



MANUSKRIP ISLAM
MERCU TANDA
KETAMADUNAN UMAT

Hukum Kanun Brunei: Isu dan Peranannya Memperkasakan Perundangan Islam

Prof. Madya Dr. Haji Awg
Asbol bin Haji Mail

PENGENALAN



- Dalam perkembangan tamadun manusia apabila mereka sudah berjaya menubuhkan sesebuah kerajaan, maka antara aspek awal dilakukan sebelum pelantikan pembesar bagi membantu raja mentadbir kerajaan ialah pengubalan undang-undang negara.
- Ia perlu diwujudkan dengan matlamat supaya keadilan dapat ditegakkan dan tiada kezaliman berlaku dengan itu suasana aman dan harmoni dapat dicapai dalam negara.

- Di zaman tradisional Kesultanan Melayu termasuk Brunei, undang-undang ini lebih dikenali sebagai kanun. Undang-undang atau kanun memang penting kepada sesebuah negara untuk menegakkan keadilan. Ia juga sebagai lambang kedaulatan setiap pemerintah.
- Sesebuah negara pada kebiasaannya mempunyai dua kategori undang-undang, iaitu undang-undang negara dan undang-undang adat atau adat resam. Kedua-dua undang-undang ini akan sentiasa berubah dan bersifat dinamik.

- Dalam hal yang demikian juga berlaku terhadap Negara Brunei Darussalam apabila Islam telah bertapak dan berkembang di negara ini dengan peristiwa Awang Alak Betatar menganut agama Islam pada tahun 1368 Masihi dengan mengambil gelaran Sultan Muhammad Syah.

- Dengan kemunculan agama ini, maka ia tidak hanya berpengaruh dalam menukar pegangan agama dari Hindu Buddha kepada Islam tetapi dengan sendirinya perlu diwujudkan undang-undang Islam di samping undang-undang adat yang dipakai selama ini.

- Dari sinilah wujudnya undang-undang syariah sebagaimana tercatat di dalam *Hukum Kanun Brunei* yang akan dibicarakan oleh kertas kerja ini dengan menumpukan kajian tentang isu dan peranannya dalam memperkasakan perundangan Islam.

- Undang-undang baik undang-undang Islam mahupun undang-undang adat bukanlah sesuatu yang baharu dalam kerajaan dan masyarakat Brunei bahkan ia dipercayai sudah bertapak lama sekurang-kurangnya ia sudah wujud di sekitar abad ke-15 dan berterusan hingga abad ke-19.

- Malahan perlaksanaan ini boleh dilihat pada abad ke-17 menerusi wasiat Sultan Jalilul Akbar (1598-1659) kepada anakanda baginda Sultan Abdul Jalilul Jabbar (1659-1660) supaya terus menguatkuasakan *Hukum Kanun Brunei*:

- *Apa-apa hal negeri muafakat dengan wazir, cheteria, manteri semuanya serta sekalian sanak saudara, dan apa-apa hukumnya serta sekalian sanak saudara, dan apa-apa hukumnya negeri ialah keempat wazir serta cheteria, memberi kapit anakda serta adat istiadatnya mengikut undang-undang kanun, resam dan syara.*

- Kesan penguatkuasaan *Hukum Kanun Brunei* ini bukan hanya berlaku di kawasan kerajaan pusat Brunei bahkan membawa kepada ke wilayah lain di bawah penguasaan kesultanan ini.

- Hal ini boleh dilihat apabila kesannya telah dirasakan hingga ke wilayah Sarawak apabila ia dicatatkan dalam *Hikayat Sarawak* bahawa pada abad ke-19 dalam konteks ketaatan dan kepatuhan masyarakat Sarawak yang terdiri daripada pelbagai etnik masyarakat Sarawak semuanya taat akan undang-undang negeri (*Hukum Kanun Brunei*) dan tinggal di dalam aman.

ISU MULA PENULISAN DAN PERLAKSANAAN

- *Hukum Kanun Brunei* adalah sebuah manuskrip tradisional yang khusus mencatatkan tentang undang-undang. Ia tidak diketahui pengarangnya serta tarikh penulisannya hingga menimbulkan isu kontroversi dan teori berlainan di kalangan para pengkaji.

- Hal ini memang perkara biasa dalam karya tradisional Alam Melayu. Oleh yang demikian ia telah melahirkan tiga teori berbeza tentang tarikh permulaan penulisan dan pelaksanaan manuskrip ini.

- Tiga teori tersebut masing – masing menyatakan bahawa *Hukum Kanun Brunei* berkemungkinan mula ditulis dan dilaksanakan di zaman pemerintahan tiga orang Sultan Brunei iaitu Sultan Sharif Ali (1425 - 1432), Sultan Saiful Rizal (1533 - 1581) dan Sultan Hasan (1582 - 1598).

- Teori bahawa *Hukum Kanun Brunei* mula ditulis dan dilaksanakan di zaman Sultan Sharif Ali pada abad ke-15 adalah pendapat pengkaji sendiri dengan beralasan bahawa Sultan Sharif Ali yang berketurunan Rasulullah adalah salah seorang Sultan Brunei yang telah mengambil langkah lebih ke hadapan dalam menyebarkan dan mengukuhkan pengaruh agama Islam di kalangan rakyat Brunei.

- Di zaman baginda masjid mula didirikan di Brunei.. Selain itu baginda juga melarang umat Islam memakan daging babi, mengenakan gelaran Darussalam kepada Brunei dan mencipta panji-panji.
- Langkah baginda mengukuhkan Islam ini boleh dilihat apabila *Salasilah Raja – Raja Berunai* merakamkan bahawa baginda telah “*mendirikan agama Islam dan mengeraskan shari’at nabi kita Muhammad s.a.w...*”

- Pengukuhan pegangan agama Islam di kalangan rakyat Brunei pada waktu itu telah dilakukan oleh baginda kerana biarpun di zaman pemerintahan Sultan Muhammad Shah (1363 – 1402), rakyat Brunei sudah memeluk agama Islam, tetapi ia belum begitu kukuh. Kerana agama Islam baharu sahaja dihayati.

- Dalam mengukuhkan dan meningkatkan pegangan agama Islam di kalangan rakyat Brunei di zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali ini, maka baginda memerlukan Undang – undang Syara' untuk ditulis dan dilaksanakan terutama bagi rakyat Brunei yang beragama Islam, dengan tidak menafikan hak rakyat yang bukan beragama Islam. Senario inilah membolehkan *Hukum Kanun Brunei* ditulis di zaman pemerintahan baginda.

- Sementara itu, teori yang mengatakan *Hukum Kanun Brunei* mula ditulis dan dilaksanakan ketika pemerintahan Sultan Saiful Rizal pada abad ke-16 pula didokong oleh Siti Zaliha binti Abu Salim dan Pengiran Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman.

- Pendapat Siti Zaliha bersandar kepada catatan Sepanyol dalam *Boxer Codex* yang ditulis di zaman pemerintahan baginda yang melihatkan pelaksanaan salah satu daripada fasal yang terkandung dalam *Hukum Kanun Brunei*. Fasal itu mengenai pelantikan empat jawatan pembesar Brunei di zaman baginda.

- Empat jawatan yang disebutkan dalam *Hukum Kanun Brunei* terdiri daripada Bendahara, Temenggung, Penghulu Bendahari dan Syahbandar manakala empat jawatan yang dinyatakan dalam *Boxer Coxex* pula ialah Bendahara, Temenggung, Pengiran Digadong dan Syahbandar.

- Walaupun gelaran Penghulu Bendahari dan Pengiran Digadong adalah berbeza, tetapi dari segi peranan, jawatan ini mempunyai peranan yang hampir sama dalam menguruskan hal-hal perbendaharaan negara.

- Di samping kewujudan empat jawatan pembesar di atas, Siti Zaliha juga mengukuhkan pendapatnya dengan merujuk kepada bukti pelaksanaan undang – undang adat yang tidak termasuk dalam kandungan *Hukum Kanun Brunei* di zaman pemerintahan Sultan Saiful Rizal. Perkara ini akan dijelaskan lebih lanjut pada pembicaraan berikutnya.

- Bagi beliau ia mencerminkan *Hukum Kanun Brunei* masih di peringkat awal kemunculannya. Selain itu, beliau juga mengatakan Sultan Saiful Rizal, sentiasa memastikan undang – undang berjalan baik di Brunei. .

- Biarpun teori ini juga dipersetujui oleh Pengiran Haji Mohammad tetapi beliau mengemukakan alasan yang berlainan daripada Siti Zaliha. Menurut beliau di zaman Sultan Saiful Rizal telah wujud satu undang-undang yang berpandukan '*Hukum Kanun dan Resam*' (Undang-undang Adat).

- Kewujudan dua bentuk pengadilan ini terbukti melalui kes anak perempuan Pengiran Seri Lela dengan Pengiran Bendahara Sakam. Pada awalnya, Sultan Saiful Rizal ingin menghukum beliau berdasarkan *Hukum Kanun Brunei*.

- Baginda menjadi serba salah kerana jika baginda tidak menjatuhkan hukuman setimpal kepada Pengiran Bendahara Sakam baginda dianggap tidak adil. Dalam pada itu baginda juga menyedari yang Pengiran Bendahara Sakam banyak berjasa kepada negara dan penting kepada pertahanan Brunei.

- Setelah pembicaraan tamat memang baginda telah mengambil keputusan untuk menjatuhkan hukuman ke atas Pengiran Bendahara Sakam.
- Bagaimanapun baginda akhirnya memutuskan untuk mengampunkannya mengikut undang – undang ‘Resam’ setelah perkara ini dirayu oleh Orang Kaya Digadong.

- Menurut Orang Kaya Digadong berdasarkan undang-undang adat seseorang sangat berjasa kepada negara jika pun sudah dihukum ia boleh diampunkan. Lagipun sultan sendiri mempunyai kuasa untuk mengampunkan para pesalah.

- Dalam senario demikian menunjukkan undang-undang adat tidak hanya untuk masyarakat bukan Islam bahkan ia juga digunapakai ke atas masyarakat Islam Brunei. Ia diperlukan sama ada kes-kes berkenaan belum wujud dalam *Hukum Kanun Brunei* atau ia digunakan sebagai alternatif dalam menyelesaikan sesuatu kes.

- Walaupun Pengiran Bendahara Sakam menang dalam kes ini, namun Pengiran Seri Lela dan Seri Ratna tidak berpuas hati dengan keputusan ini. Akhirnya mereka belot semasa tercetus Perang Kastila pada tahun 1579 hingga Brunei tewas.

- Ini menunjukkan jika sultan tidak dapat melaksanakan undang-undang sama ada undang-undang Islam atau adat dengan baik seringkali ia boleh mencetuskan penderhakaan di kalangan rakyat yang tidak berpuas hati..

- Kejadian penderhakaan memang pernah terjadi dalam rakaman sejarah Brunei, sebagaimana yang berlaku dalam peristiwa pemberontakan penduduk Sarawak Asal pada tahun 1835, pemberontakan Limbang pada tahun 1884 dan pemberontakan Belait dan Tutong pada tahun 1899.

- Selain kes Pengiran Bendahara Sakam, di zaman pemerintahan Sultan Saiful Rizal juga pernah menggunakan undang – undang adat bagi pencuri harta sultan, membuat wang palsu atau meninggalkan negeri tanpa kebenaran hakim, Mereka boleh dikenakan hukum keras.

- Selain itu, hukuman bagi orang yang berhutang pula, dia mesti membayar hutangnya atau dia dikehendaki berkhidmat kepada pemberi hutang. Semasa berkhidmat itu, pemiutang hanya diberi makan dan minum hingga hutangnya selesai dibayar.
- Dalam hal ini ternyata ada hubungannya dengan kemunculan golongan hamba dalam strata masyarakat Brunei.

- Keberadaan dua jenis undang – undang ini memang satu ciri kepada *Hukum Kanun Brunei* yang mengandungi campuran antara undang – undang Islam dan adat. Percampuran ini boleh dilihat apabila 23 daripada 50 fasal *Hukum Kanun Brunei* adalah undang – undang Islam manakala 34 fasal yang lain adalah undang – undang adat.

- Di zaman pemerintahan Sultan Saiful Rizal kewujudan undang-undang Islam menurut Pengiran Dr. Haji Mohammad juga boleh didapati dari catatan Sepanyol yang mengatakan pada waktu itu, Kesultanan Brunei telah menghayati Al – Quran.
- Jika kitab suci ini sudah dihayati ada kemungkinan *Hukum Kanun Brunei* sudah lahir ketika itu.

- Akhir sekali pendapat yang mengatakan *Hukum Kanun Brunei* ditulis di zaman Sultan Hasan pada penghujung abad ke-16 pula disokong oleh seorang sarjana Barat, Hughes-Hallet dan dua orang sarjana tempatan iaitu Pehin Dr. Haji Mohd. Jamil Al – Sufri dan Prof. Mahmud Saedon.

- Alasan yang digunakan adalah penemuan dokumen – dokumen mengenai adat istiadat dan peraturan – peraturan negara yang diamalkan di zaman baginda. Baginda berperanan mengemaskinikan adat istiadat dan pada masa ini Brunei berada di zaman kegemilangan.

- Walaupun ketiga-tiga teori di atas berlainan pandangan, namun jika digabungkan ia boleh menjadi satu teori yang kukuh. Ada kemungkinan ia ditulis secara berperingkat-peringkat sesuai dengan perubahan masyarakat Islam Brunei.

- Oleh itu boleh dikatakan *Hukum Kanun Brunei* mula ditulis di zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali, kerana Islam belum lama bertapak. Oleh itu, baginda memerlukan satu undang – undang Islam yang mantap untuk mengukuhkan ajaran Islam ke atas masyarakat Brunei.

- Dengan adanya undang-undang ini masyarakat Islam Brunei mempunyai landasan yang jelas dalam menjalani kehidupan beragama.
- Apabila undang-undang ini terus dipakai di zaman Sultan Saiful Rizal ia semakin kompleks kerana penduduk semakin ramai. Hal ini boleh dilihat di zaman Sultan Bolkiah (1485-1524) yang pernah direkodkan oleh Pigafetta semasa berkunjung ke Brunei pada tahun 1521. Ia menggambarkan di Kampong Air terdapat 25 ribu keluarga atau mungkin penduduknya berjumlah sekitar 100 ribu orang.

- Keramaian seperti ini sudah tentu berterusan di era Sultan Saiful Rizal. Oleh itu ia memerlukan pelaksanaan *Hukum Kanun Brunei* pada ketika itu.
- Manakala di zaman Sultan Muhammad Hassan, empayar Kesultanan Brunei semakin luas dan penduduknya semakin ramai termasuklah orang-orang Islam.
- Oleh itulah baginda memerlukan *Hukum Kanun Brunei* terus dilaksanakan di mana ia ditokok tambah sesuai dengan perubahan yang ada.

ISU PENYALINAN

- Dari aspek kandungan *Hukum Kanun Brunei*, sarjana – sarjana tempatan dan luar setakat ini mengakui bahawa manuskrip tersebut telah disalin daripada *Hukum Kanun Melaka* meskipun ada yang berpendapat ia disalin daripada *Hukum Kanun Pahang*.
- Antara sarjana yang mengakui penyalinan manuskrip ini daripada *Hukum Kanun Melaka* seperti Siti Zaliha, Pengiran Dr. Haji Mohammad, R.O. Winstedt, James Ongkili, M.B. Hooker dan penulis sendiri.

- Penyalinan ini terbukti apabila kedua – dua manuskrip ini masing – masing berkongsi persamaan dalam fasal 1 hingga 21.
- Selain itu, penyalinan seperti ini adalah satu kebiasaan kerana manuskrip undang – undang Kesultanan Alam Melayu yang lain seperti Kesultanan Riau, Pahang dan Pontianak juga disalin daripada *Hukum Kanun Melaka*

- Sementara itu, pendapat bahawa *Hukum Kanun Brunei* disalin daripada *Hukum Kanun Pahang* telah dikemukakan oleh Metassim Jibah.
- Beliau beralasan bahawa hubungan Brunei dan Pahang lebih rapat berbanding dengan Melaka. Hal ini jelas apabila hubungan Brunei dan Melaka hanya terjalin melalui perdagangan sedangkan Brunei dan Pahang melalui ikatan perkahwinan di antara kerabat diraja.

- Hubungan perkahwinan berlaku di antara Sultan Abdul Ghafor Pahang dengan seorang puteri Brunei, adinda kepada Sultan Muhammad Hasan.
- Malah, hubungan yang erat di antara kedua – dua kesultanan ini terbukti melalui catatan China sekitar tahun 1573 hingga 1619 yang menyatakan Pahang telah diserang oleh Johor tetapi serangan ini berjaya dipatahkan oleh seorang Raja Brunei. Raja ini berkemungkinan Sultan Muhammad Hasan.
- Jadi, bantuan yang diberikan ini kerana didorong oleh ikatan perkahwinan yang terjalin di antara kerabat diraja Brunei dan Pahang

- Hubungan yang erat di antara kedua – dua kerajaan ini juga terbukti apabila Sultan Abdul Ghafor pernah berkunjung ke Brunei bersama isteri baginda.
- Dalam hubungan inilah membolehkan Sultan Muhammad Hasan untuk menyalin *Hukum Kanun Pahang* yang kebetulan telah disalin daripada *Hukum Kanun Melaka*.
- Bagaimanapun, penyalinan *Hukum Kanun Brunei* dari *Hukum Kanun Pahang* ini sukar diterima kerana *Hukum Kanun Brunei* dilihat lebih banyak berkongsi persamaan dengan *Hukum Kanun Melaka* iaitu sebanyak 21 fasal.

- Selain isu penyalinan *Hukum Kanun Brunei*, bilangan fasal yang terkandung dalam manuskrip ini juga telah menarik perhatian para sarjana tempatan dan luar kerana mereka masih berselisih pendapat mengenainya.

- Menurut Metassim Jibah, *Hukum Kanun Brunei* mengandungi 44 fasal manakala Pengiran Dr Haji Mohammad dan Prof. Mahmud Saedon masing – masing berpendapat ada 47 fasal. Sementara itu, pengkaji sendiri melihat bilangannya 50 fasal, inilah akan dirujuk dalam kertas kerja ini.

- Oleh kerana 23 daripada 50 fasal *Hukum Kanun Brunei* adalah undang – undang Islam dan 34 daripadanya pula undang-undang adat, maka ia telah memperlihatkan keadilan sultan Brunei terhadap undang – undang ini.

- Ia bersesuaian dengan rakyat Brunei yang berbagai etnik yang beragama Islam dan bukan Islam. Keadilan tersebut telah memudahkan *Hukum Kanun Brunei* untuk dipraktikkan di Brunei yang kemudian menyumbang kepada memperkasakan perundangan Islam.

- Antara undang – undang Islam yang terkandung dalam manuskrip ini adalah:
 - fasal kelima dan kelapan mengenai hukuman qisas iaitu kesalahan membunuh dibalas bunuh.
 - fasal ketujuh, hukuman bagi kesalahan mencuri ialah potong tangan.

- fasal kedua belas, hukuman bagi muhsan yang melakukan zina adalah direjam.
- fasal kedua puluh lima mengenai hukum kahwin dan wali serta tanda – tanda baligh.
- fasal kedua puluh tujuh menyatakan mengenai syarat – syarat bagi bilangan orang yang
 - menjadi saksi nikah.

- Dalam pada itu, undang – undang adat dalam *Hukum Kanun Brunei* pula antara lain ialah:

- fasal yang keempat mengenai kesalahan menikam, menetak dan memukul orang serta merampas harta orang, mendustakan hukum, menjual titah dan menyangkal titah.

- fasal keenam mengenai kesalahan mengamuk, syarat – syarat menjadi menteri dan tiga kesalahan yang hanya boleh diampunkan oleh raja iaitu kesalahan membunuh orang, mengambil isteri orang dan orang yang bermaharajalela.
- fasal yang menyatakan tentang tingkah laku kerbau dan lembu yang nakal

- Dalam membicarakan peranan *Hukum Kanun Brunei* memperkasakan perundangan Islam, kertas kerja ini akan melihat pada dua aspek utama iaitu kandungan *Hukum Kanun Brunei* yang merupakan campuran daripada undang – undang Islam dan adat dan juga bukti perlaksanaan undang – undang Islam oleh Kesultanan Brunei hingga abad ke-19.

- Campuran undang-undang ini memang salah satu ciri kepada *Hukum Kanun Brunei* yang boleh memberikan gambaran bagaimana Sultan Brunei selaku pemegang kuasa tertinggi dalam undang – undang telah berlaku adil kerana menggubal undang – undang sesuai untuk rakyat baginda yang terdiri dari penduduk beragama Islam dan bukan beragama Islam.

- Jadi, *Hukum Kanun Brunei* yang digubal sesuai dengan semua lapisan masyarakat yang menyumbang kepada memperkasakan perundangan Islam kerana dalam *Hukum Kanun Brunei* terdapat peruntukan bukan sahaja untuk rakyat beragama Islam tetapi juga yang bukan beragama Islam.

- *Hukum Kanun Brunei* yang mempunyai 50 fasal secara umumnya boleh dibahagikan kepada enam kategori, iaitu mengenai dengan:
 - 1. Raja
 - 2. Mahkamah dan kesalahan jenayah
 - 3. Pinjaman dan upahan
 - 4. Pertanian
 - 5. Perkahwinan
 - 6. Perdagangan

- Berdasarkan rakaman sejarah Kesultanan Brunei ternyata sebahagian daripada kandungan *Hukum Kanun Brunei* telah dilaksanakan di Brunei.
- Dari bukti amalan ini menggambarkan bahawa ia bukan hanya setakat undang – undang yang terpapar pada kertas tetapi ia memang diamalkan ke atas mereka yang melanggar kandungan undang-undang ini.
- Dengan amalan dari kandungan *Hukum Kanun Brunei* ini boleh dikatakan ia telah mengangkatnya dan memperkasakan perundangan Islam di Negara Brunei Darussalam.

MEMPERKASAKAN PERUNDANGAN ISLAM

- Peranan *Hukum Kanun Brunei* dalam memperkasakan perundangan Islam dalam Kesultanan Brunei dikukuhkan menerusi catatan sejarah yang membuktikan undang – undang Islam seperti yang terkandung di dalamnya telah dipraktikkan pada abad ke-19.

- Misalnya, fasal ketujuh mengenai kesalahan mencuri dijatuhi hukuman potong tangan telah dijalankan di Brunei semasa pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II (1828-1852) apabila James Brooke yang sudah menjadi Gabenor Sarawak Asal pada tahun 1845 telah melaporkan bahawa seorang penduduk dari Pontianak telah dijatuhi hukum potong tangan kerana didapati mencuri.

- Dalam hal ini Brooke telah memberikan ulasannya dengan mengatakan hukuman ini terlalu kejam hingga penjenayah menjadi cacat dan boleh menjejaskan masa depannya. Bagaimanapun beliau tidak membenarkan hukuman ini dilaksanakan. Sebaliknya penjenayah ini hanya dirotan sebanyak 36 sebatan.

- Ternyata pandangan seperti ini telah wujud pada abad ke-19 di Brunei oleh orang Barat. Pandangan ini berlarutan di zaman dunia tanpa sempadan apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mahu melaksanakan pada tahun 2019 telah menerima banyak bantahan dari negara-negara Barat dengan alasan undang-undang ini kejam dan bercanggah dengan hak asasi manusia.

- Bagaimanapun mereka tidak melihat bahawa undang-undang tujuannya utama ialah pencegahan daripada perkara jenayah dan negatif daripada berlaku ke atas masyarakat.

- Mereka sudah lupa bahawa undang-undang mereka yang dianggap canggih itu pun sehingga kini tidak mampu membendung kadar jenayah yang semakin meningkat di negara mereka. Setiap saat berlaku kejadian jenayah sehingga bangunan penjara mereka tidak lagi mampu menampung kemasukan penjenayah.

- Akhirnya sebahagian penjenayah terpaksa dibebaskan sungguhpun telah membunuh berpuluh-puluh orang mangsa. Tindakan ini bukan sahaja menimbulkan rasa tidak puas hati kepada keluarga mangsa tetapi juga bekas penjenayah ini masih ketagih melakukan perbuatan terkutuk.

- Hukuman potong tangan ini juga berlaku dua kali dalam era pemerintahan Sultan Abdul Momin pada abad ke-19. Kali pertama berlaku pada tahun 1856 apabila perkara ini dilaporkan oleh Spencer St John, Konsul Inggeris di Brunei yang mengatakan beliau menyaksikan sendiri hukuman potong tangan ke atas dua orang pencuri di Brunei.

- Manakala itu kejadian kedua telah dilaporkan oleh W.H. Treacher, Pemangku Konsul General British ketika berkunjung ke Brunei dengan angkatan laut British pada tahun 1880. Semasa kapal beliau berlabuh, tiga orang pencuri telah menceroboh dan telah berjaya mencuri sebuah jam tangan emas dan selaras senapang. Ketika Treacher mengadap Sultan Abdul Momin pada keesokan harinya, beliau telah melaporkan kes kecurian ini kepada baginda.

- Meskipun semasa mendengar laporan Treacher itu baginda hanya berdiam diri, tetapi setelah Treacher tiba di Labuan beberapa hari kemudian beliau menerima sepucuk surat mengatakan pencuri – pencuri berkenaan telah dijatuhi hukuman potong tangan.

- Ini menunjukkan *Hukum Kanun Brunei* telah memperkasakan undang-undang Islam di Brunei. Apabila kejadian mencuri dilaporkan kepada Sultan Abdul Momin, memang baginda merasa malu kerana adanya d ikalangan rakyat baginda melakukan perbuatan tidak bermoral ini, lebih-lebih lagi ia berlaku di atas kapal orang asing.

- Dengan menjatuhkan hukuman potong tangan sudah tentu memberikan pengajaran kepada orang lain daripada melakukan perkara tersebut. Jika tangan sudah dipotong memang sukar untuk melakukan jenayah seterusnya, tidak seperti hukuman memenjarakan kerana pesalah apabila dibebaskan dari penjara seringkali melakukan jenayah lagi.

- Dengan demikian kejadian jenayah tidak akan dapat dibendung kerana bekas penjenayahnya akan berulang-ulang melakukannya disamping kemunculan penjenayah baharu yang lain. Situasi ini sudah tentu menggugat keharmonian dan keselamatan masyarakat

- Selain daripada hukuman potong tangan ini, Treacher juga menyaksikan satu lagi hukuman yang berlandaskan Islam yang dijalankan oleh Sultan Abdul Momin.
- Hukuman ini adalah hukuman mati dan ia terkandung dalam fasal kelima dan kelapan yang menyatakan tentang hukuman *qisas*. Menurut laporan Treacher, Sultan Abdul Momin telah menjatuhkan hukuman mati ke atas seorang penjenayah bernama Maidin iaitu anak kepada pembesar Brunei yang amat disayangi baginda. Maidin tetap dihukum mati kerana telah melakukan kesalahan merompak dan membunuh beberapa orang pedagang yang menjalankan aktiviti perdagangan antara Brunei dan Labuan.

- Oleh itu, di samping menunjukkan pelaksanaan undang – undang Islam yang terkandung dalam *Hukum Kanun Brunei*, hukuman mati ke atas Maidin ini juga membuktikan keadilan Sultan Abdul Momin sebagai seorang pemerintah Islam kerana telah menjatuhkan hukuman berat kepada pesalah tanpa mengira hubungan, taraf dan kedudukan memandangkan Maidin adalah anak kepada pembesar Brunei yang sangat disayangi baginda.

- Sungguhpun hukuman mati yang dijalankan ke atas Maidin bukanlah satu keputusan yang mudah untuk dilakukan tetapi kerana atas nama keadilan ia perlu dilakukan oleh sultan jua.
- Ini juga menunjukkan ketegasan baginda dalam melaksanakan hukuman tanpa pilih bulu. Lagipun menjatuhkan hukuman ini penting dari segi keselamatan dan kesejahteraan di Teluk Brunei.

- Kawasan ini bukan sahaja menjadi tempat kegiatan perdagangan dan tempat lalu lalang tetapi ia juga adalah tempat mencari makan bagi rakyat Brunei terutama penduduk Kampong Air. Rata-rata mereka bekerja sebagai nelayan. Jika kejadian rompakan sering berlaku bukan sahaja keselamatan terancam bahkan juga ekonomi mereka akan terjejas.

- Di samping hukuman mati ke atas Maidin ini, Sultan Abdul Momin juga pernah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas seorang pesalah pada tahun 1859. Penjenayah ini telah didapati bersalah kerana membunuh Pengiran Muhammad yang tinggal di Membakut pada tahun 1852.

- Pada awalnya, penjenayah tersebut telah melarikan diri ke Kampong Burung Pingai dan mendapat perlindungan daripada penduduk kampung ini. Walau bagaimanapun, tujuh tahun kemudian, beliau berjaya ditangkap oleh Pengiran Sulaiman, pengikut kepada Pengiran Muhammad. Namun, sebarang hukuman belum boleh dilaksanakan oleh Pengiran Sulaiman sehinggalah Sultan Abdul Momin menitahkan agar pesalah itu dijatuhi hukuman mati.

- Dengan itu, hukuman bunuh ini merupakan satu lagi bukti bahawa undang – undang Islam iaitu *qisas* yang termaktub dalam *Hukum Kanun Brunei* telah dipraktikkan dalam Kesultanan Brunei pada abad ke-19.

- Ia juga menunjukkan kuasa dan kedaulatan sultan Brunei selaku pemegang kuasa tertinggi dalam undang – undang yang membolehkan baginda untuk membuat keputusan terhadap hukuman yang berat. Senario ini juga jelas menunjukkan undang-undang Islam telah diperkasakan oleh *Hukum Kanun Brunei*.

- Dalam zaman pemerintahan Sultan Abdul Momin juga didapati berlaku pelaksanaan undang-undang Islam yang membabitkan hal rumah tangga seorang rakyat Brunei bernama Sapar.
- Beliau telah mendirikan rumah tangga selama dua belas tahun tetapi isteri beliau telah dilarikan ke Labuan oleh kekasihnya, See Choon, berbangsa China.

- Bagi menangani kes ini, maka pada bulan Jun 1882, Sultan Abdul Momin telah menghubungi Peter Leys, Konsul General di Labuan untuk membantu menyelesaikannya. Namun, perkembangan selanjutnya mengenai kes ini tidaklah diketahui kerana sumber-sumber mengenai kes belum ditemui.

- Meskipun penyelesaian terhadap kes ini tidak diketahui, tetapi ia tetap menunjukkan bahawa Sultan Abdul Momin telah mengambil tindakan dalam menyelesaikan kes melarikan isteri orang yang dianggap jenayah berat. Malahan ia selaras dengan kandungan *Hukum Kanun Brunei*.

- Ternyata tindakan yang diambil oleh Sultan Abdul Momin memang telah memperkasakan undang-undang Islam apabila ia selaras dengan kandungan *Hukum Kanun Brunei*. Hal ini semakin jelas apabila baginda sendiri campur tangan dalam menyelesaikan kes yang melibatkan hal rumah tangga dikalangan golongan rakyat bawahan. Hal seperti ini boleh diselesaikan setakat peringkat pembesar atau ketua kampung sahaja.

- Selain daripada hukuman yang berasaskan Islam seperti yang dibincangkan sebelum ini, Kesultanan Brunei pada abad ke-19 juga menyaksikan satu lagi pelaksanaan undang – undang Islam yang termaktub dalam *Hukum Kanun Brunei* iaitu fasal keenam mengenai kuasa sultan dalam mengampunkan pesalah.

- Kuasa mengampunkan pesalah ini telah memperkasakan perundangan Islam kerana ia memperlihatkan bahawa sultan adalah seorang yang pemurah kerana telah menghindarkan seseorang pesalah dari dihukum mati. Sifat pemurah ini adalah sesuai dengan pandangan Islam bahawa sultan adalah Khalifah Allah di muka bumi dan menjadi tempat rakyat berlindung dan bernaung.
- Sultan yang adil menjadi negeri bertambah aman dan keberkatan akan sentiasa datang melimpah kerana Allah akan selalu menghulurkan pertolongannya di luar jangkaan.

- Dalam catatan sejarah Kesultanan Brunei, kuasa sultan untuk mengampunkan pesalah telah ditemui melalui keputusan Sultan Hashim (1885-1906) dalam mengampunkan seorang penjenayah bernama Abdul Latif yang sepatutnya dijatuhi hukuman mati.

- Baginda memberikan pengampunan ini kerana terpesona dengan irama seruling yang digubah dan dimainkan oleh beliau ketika di penjara. Setelah Abdul Latif dibebaskan dari tahanan, beliau telah dilantik sebagai peniup serunai bagi majlis beradat istiadat diraja Brunei.

- Sementara itu, irama seruling yang digubah beliau telah diangkat menjadi sebahagian daripada irama serunai naubat dan gendang jaga – jaga diraja yang dikenali sebagai Rampak Sangga Bunuh.

KESIMPULAN

- *Hukum Kanun Brunei* sebagai manuskrip undang-undang tradisional telah menimbulkan berbagai isu kontroversi di kalangan para sarjana apabila ia tidak mempunyai nama pengarang dan tarikh. Lantaran itu muncul berbagai pendapat bila ia mula ditulis dan diamalkan dalam Kesultanan Brunei.
- Setakat ini ada tiga pendapat yang mengatakan kanun ini telah mula dipakai sejak zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali, Sultan Saiful Rizal dan Sultan Muhammad Hasan.

- Selain itu isu penyalinan kanun ini sama ada dari Melaka atau Pahang juga menjadi isu yang menimbulkan pandangan yang berbeza. Meskipun terdapat berbagai isu dalam memperkatakan *Hukum Kanun Brunei*, namun dari bukti sejarah ternyata ia telah memainkan peranan dalam memperkasakan perundangan Islam dalam Kesultanan Brunei dari abad ke-15 hingga abad ke-19.

- Peranan manuskrip ini dapat dilihat apabila sejak kewujudannya pada zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali pada abad ke-15 telah dijadikan sebagai panduan untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat di samping mengukuhkan pegangan agama.

- Hal ini semakin jelas pada abad ke-19 apabila didapati pelaksanaan hukuman ke atas pesalah seperti potong tangan dan hukuman mati selaras dengan apa yang terkandung dalam *Hukum Kanun Brunei*.

- Kanun ini juga boleh dikatakan telah memperkasakan undang-undang Islam apabila didapati kandungannya juga terdapat undang-undang adat. Hal ini membayangkan bahawa dalam menyediakan undang-undang sultan Brunei sebagai pemerintah Islam telah menunjukkan keadilan kepada rakyatnya yang bukan beragama Islam yang memerlukan undang-undang ini.

- Dalam hal ini sultan begitu memahami bahawa penduduk Brunei tidak semuanya beragama Islam. Bagaimanapun adakalanya undang-undang ini juga digunapakai ke atas penduduk beragama Islam.

BIBLIOGRAFI

Buku

Abd. Ghani Hj Awang. (1988). *Apakah Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Asbol Haji Mail. (2011). *Kesultanan Melayu Brunei Abad ke-19: Politik dan Struktur Pentadbiran*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Asri Haji Puteh. (2003). *Hukum Kanun*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Hashim Haji Abd. Hamid (ed.) (2003). *Jejak – Jejak... Kumpulan Kertas Kerja Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Haji Awang Mahmud Saedon bin Awang Othman*. Bandar Seri Begawan: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.

Muhammad Yusoff Hashim. (1984). Kesultanan Melayu Melaka: Pemikiran mengenai Undang-undang, dlm. *Historia* Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Pehin Dr. Haji Mohd. Jamil Al-Sufri. (1973). *Chatatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei*, Bil. II. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____, (1997). *Tarsilah Brunei: Zaman Kegemilangan dan Kemasyhuran*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

_____, (2001). *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

_____, (2002). *Adat Istiadat Diraja Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Pehin Haji Md Zain Haji Serudin. (1998). *Melayu Islam Beraja: Satu Pendekatan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengiran Dr. Haji Mohammad Pengiran Haji Abd Rahman. (2005). *Islam di Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Singh, Ranjit, (1991). *Brunei 1839-1983: The Problems of Political Survival*. Singapore: Oxford University Press.

Winstedt, R, O. (1996). *A History of Classical Malay Literature*. Revised, Edited and Introduced by Y.A. Talib. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. (M.B.R.A.S. Reprint No. 12).

Yura Halim & Mohd. Jamil Umar. (1958). *Sejarah Berunai*. Kuala Belait: Percetakan Brunei Press.

Artikel

Carroll, John, S. (1982). Berunai in the Boxer Codex. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 55, Part 2, 1 – 25.

Haji Mohamad Amin Hassan. (2004). Boxer Codex: Rakaman Sejarah Brunei di Akhir Abad ke XVI. *Jurnal Darussalam*, Bil.5, 87 – 124.

Haji Mohamad Jefri Haji Sabli. (2015). Hikayat Sarawak dan Relevannya dengan Pensejarahan Perundangan di Negeri Brunei pada abad ke-19. *Beriga*, Bil.114 Januari -Jun.

Hjh Saadiah Haji Tamit. (2005). *Hukum Kanun Brunei Teras Perundangan Islam di Negara Brunei Darussalam*. dlm. *Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Kehakiman Negara

Hughes-Hallet, H, R. (1940). A Sketch of the History of Brunei. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 18(2), 24 – 41.

Metassim Jibah. (1980). Chatatan Mengenai *Hukum Kanun Brunei*. *Bahana* 15(33), 45 – 53.

Sweeney, P.L. Amin. (1968). Silsilah Raja-Raja Berunai. *Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society* XLI, Pt. 2, 1 – 82.

Treacher, W, H. (1889). British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* XX, Part I, 15 – 74.

Tesis

Siti Zaliha Abu Salim. (1992). *Sistem Kehakiman Brunei dan Perbandingannya dengan Sistem Kehakiman Islam* (Tesis MA). Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Malaysia.